

12 FEB 1999

Majalah-Mahathir

DR MAHATHIR DAPAT GELARAN PAHLAWAN DARI MAJALAH INDONESIA

JAKARTA, 12 Feb (Bernama) -- Sebuah majalah mingguan Indonesia "Panji Masyarakat" menggelarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang pahlawan kerana penonjolannya semasa menghadiri Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland minggu lepas.

Dalam satu rencana yang bertajuk "Khabar Baik Dari Jiran" majalah yang mempunyai edaran kira-kira 60,000 itu bertanya siapa pahlawan dalam forum yang dihadiri beberapa tokoh dunia itu.

Antara yang hadir pada forum berkenaan ialah presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, Setiausaha Agung Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu Kofi Annan dan tokoh mata wang yang digelar Dr Mahathir sebagai penyangak, George Soros.

"Mereka mungkin bintang dalam forum itu, tapi bukan pahlawan. Pahlawannya tidak lain ialah PM Dr Mahathir," kata majalah itu dalam keluaran terbarunya.

"Dr Mahathir memang tenggelam di tengah-tengah tokoh ini tapi diam-diam dia keluar sebagai pahlawan terutama bagi negara-negara yang dililit krisis kewangan," demikian menurut majalah itu.

Dalam forum itu, Dr Mahathir sekali lagi mengusulkan agar satu bentuk undang-undang digubal untuk menghalang para petualang pasaran mata wang daripada bermaharajalela.

Dr Mahathir juga menyarankan supaya pemerintah yang tidak boleh menghukum para pemain pasaran mata wang yang gelabah diturunkan, menurut majalah itu.

Dalam rencana tiga muka surat itu, majalah itu juga turut mengupas tentang kesan krisis kewangan yang dihadapi dengan teruk terutama oleh Indonesia dan Thailand.

Dalam satu tajuk kecil "Krisis apa?" rencana berkenaan memuji langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia untuk memantapkan ekonomi dan mempertahankan kedudukan mata wangnya daripada terus terdedah kepada pasaran yang tidak menentu.

Kejayaan ini menyebabkan majalah itu beranggapan bahawa Malaysia seperti tidak pernah dilanda sebarang masalah ekonomi dengan rakyatnya terus menikmati kehidupan seperti biasa.

Majalah "Panji Masyarakat" diasaskan oleh seorang tokoh terkenal dan ulama terkemuka Indonesia, Allahyarham Haji Abdul Malik Kari Amrullah atau Pak Hamka pada sekitar awal tahun 1960-an.

-- BERNAMA

OPP AKD